Sila hubungi pejabat veterinar terdekat untuk mendapatkan suntikan vaksin antirabies percuma bagi anjing peliharaan anda.

Waktu Operasi:
8 Pagi – 5 Petang
(Isnin – Jumaat)

BIL.	DAERAH	HOTLINE
1	KUCHING/SERIAN	082 628 255
2	KOTA SAMARAHAN	082 671 221
3	SRI AMAN	082 322 106
4	BETONG	082 471 622
5	SARIKEI	084 658 129
6	SIBU	084 330 224
7	MUKAH	084 871 050
8	KAPIT	084 798 280
9	BINTULU	086 335 770
10	MIRI	085 411 866
11	LIMBANG	085 212 177
12	LAWAS	085 285 085

HOTLINE RABIES (VET):
082-610023/(H): 016-2557267 016 205 1111
Selepas waktu pejabat, sila hantar mesej melalui WhatsApp untuk melaporkan sebarang perkara yang berkaitan dengan rabies.

TERBITAN:
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA, SARAWAK

SUMBER:

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak

Portal Rasmi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak

Portal Rasmi Jabatan Premier Sarawak

Suara Sarawak
https://suarasarawak.my/rabies-ancaman-nyata-bertindak-segera/

Untuk dapatkan pelbagai Koleksi Bahan Penerbitan Digital, sila imbas Kod QR atau layari dbook.penerangan.gov.my

japensarawak | japensarawak | Japen Sarawak | JAPEN Sarawak | KDS TV

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
SARAWAK



RABIES

Lindungi Diri, Lindungi Komuniti

APA ITU RABIES?

Rabies ialah penyakit yang disebabkan oleh virus yang menyerang sistem saraf dan boleh membawa maut jika tidak dirawat segera. Ia disebarkan melalui gigitan, cakaran atau apabila air liur haiwan yang dijangkiti rabies terkena mata/mukosa atau luka.

SITUASI TERKINI DI SARAWAK (2025)

Kes pertama rabies manusia tahun ini melibatkan remaja lelaki berusia 13 tahun dari Kampung Segedup, Kuching.

Mangsa digigit kucing terbiar dan menunjukkan gejala seperti demam, halusinasi, sukar berjalan dan takut kepada air (hydrophobia).

Sejak 2017 hingga Mei 2025, Sarawak merekodkan:

- 63,301 kes gigitan anjing
- 57,210 kes cakaran/gigitan kucing
- 1,832 kes gigitan haiwan lain

(Kenyataan Menteri Industri Makanan dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Dato Sri Dr. Stephen Rundi Utom, Sumber: Berita Suara Sarawak, 5 Jun 2025).

GEJALA RABIES

1. Demam
2. Muntah
3. Halusinasi/meracau
4. Takut kepada air (hydrophobia)
5. Takut cahaya dan bunyi
6. Lumpuh dan koma



LANGKAH PENCEGAHAN

✅ Jangan dekati atau sentuh haiwan terbiar.

✅ Elak bermain dengan haiwan peliharaan yang tidak divaksin.

✅ Jangan sentuh bangkai haiwan tanpa menggunakan peralatan pelindungan diri seperti sarung tangan dan pelitup muka.

✅ Basuh luka gigitan/cakaran dengan sabun dan air selama 15 minit.

✅ Dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital.

- Semua klinik kesihatan, klinik komuniti dan hospital kerajaan di Sarawak boleh memberikan rawatan selepas digigit/dicakar haiwan dan boleh memberikan vaksin antirabies kepada mangsa gigitan haiwan.

JENIS HAIWAN YANG BOLEH DIJANGKITI RABIES

• Anjing • Kucing • Kelawar
• Monyet • Musang • dan semua haiwan mamalia



VAKSINASI HAIWAN PELIHARAAN

1. Pastikan anjing dan kucing anda menerima suntikan antirabies setiap tahun.
2. Jangan biarkan haiwan peliharaan berkeliaran tanpa pengawasan.
3. Laporkan haiwan terbiar kepada pihak berkuasa tempatan atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

PERANAN KOMUNITI

- Didik anak-anak tentang bahaya rabies.
- Sokong program vaksinasi, pemandulan haiwan dan kawalan haiwan terbiar.
- Ambil bahagian dalam kempen kesedaran rabies di kawasan anda.

PENGUATKUASAAN

Seksyen 40(1) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 (VPHO 1999)

- Semua anjing peliharaan di Sarawak diwajibkan menjalani vaksinasi antirabies dan menerima suntikan penggalak tahunan.

DENDA

Kegagalan untuk mematuhi adalah satu kesalahan dan boleh didenda sehingga RM 2,500.